

No. Sebut Harga : KPKK 01/2017

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA
PELUPUSAN ASET ALIH KERAJAAN**

Kementerian/Jabatan :

**Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat atau orang perseorangan yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Harga Simpanan
i.	Motosikal, Modenas Passion SN125P-A1MY (BKP 6014)	1	500.00
ii.	Motosikal, Modenas Kriss AN110R (WKE 9817)	1	200.00
iii.	Motosikal, Modenas Passion SN125P-A1MY (TAW 7636)	1	500.00
iv.	Bas, Nissan NU4 1B (WQL 1707)	1	15,000.00
v.	Jip, Toyota Fortuner 2.7V(P) A/T (WPG 6005)	1	13,000.00

2. Aset boleh dilihat pada **20 hingga 23 November 2017** di antara jam **8.30 pagi hingga 4.30 petang** di **Parkir, Aras -1, Blok B7, Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62502 Putrajaya.**
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan **Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Kerajaan (KEW. PA 25)** yang boleh diperolehi di alamat seperti di Para 4 atau boleh dimuat turun di laman sesawang www.cgso.gov.my. Tawaran hendaklah sah bagi tempoh 90 hari.
4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan **sampul surat berlakri** dan di tanda **No. Sebut Harga KPKK 01/2017** dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** di alamat :

**Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya.**

5. Tarikh tutup sebut harga pada **1 Disember 2017 jam 12.00 tengahari**.
Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



(DCP DATO' SANUSI BIN SIDEK)
Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia

Alamat : Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, Blok B7
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya.

Tarikh : 16 November 2017

Cop :



SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebutharga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebutharga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk kiriman wang/wang pos/draf bank atau *cashier's order* sahaja atas nama **Ketua Pengarah Keselamatan Kerajaan Malaysia**.
3. Tawaran tanpa/kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is* basis).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat **pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu** dari tarikh pemberitahu keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah **mengambil aset dalam tempoh 7 hari** selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.